

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)
Sent: 30 Mac 2017 15:10
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Sharipah Soaad Bt Syed Yahaya; Roslee bin Mardan
Subject: [RALAT]SQS ONLINE : DEKAN GESA PELAJAR KEKALKAN KECEMERLANGAN AKADEMIK



Pusat Pengajian Sains
Kuantitatif

SCHOOL OF QUANTITATIVE SCIENCES

Universiti Utara Malaysia

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

30 MAC 2017 | 2 REJAB 1438H

Oleh : En. Roslee Mardan
Gambar oleh : Mohamad Fazme Mohamad

DEKAN GESA PELAJAR KEKALKAN KECEMERLANGAN AKADEMIK



SQS ONLINE : Majlis Anugerah Sijil Dekan yang berlangsung 21 Mac 2017 lalu dihadiri 140 orang pelajar daripada 233 orang penerima keseluruhan. Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada pelajar yang memprolehi kejayaan cemerlang dalam keputusan peperiksaan semester A161. Majlis yang diadakan di Dewan Seminar II, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) turut dihadiri oleh Dekan SQS, Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya bersama ahli Pengurusan SQS serta staf akademik. Turut hadir adalah pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar Saudari Nur Fariah Mohd Haris dan Thevindran Gunasegaran, yang bertindak sebagai Pengacara Majlis.

Dalam amanat dan ucapan yang disampaikan oleh Dekan SQS, Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya berkata, pelajar SQS perlu terus konsisten mengekalkan pencapaian yang diperolehi. Ianya penting bagi menjadikan SQS sebagai sebuah Pusat Pengajian yang cemerlang selain program-programnya yang akan menjadi pilihan kepada bakal mahasiswa di luar sana. Terdahulu, beliau turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pelajar SQS yang berjaya memandangkan jumlah penerima sijil Dekan kali ini lebih ramai berbanding sebelumnya. Beliau juga turut mengucapkan syabas kepada semua pensyarah SQS yang bertungkus lumus memastikan pelajar SQS berjaya dalam akademik. Dalam ucapan tersebut, beliau mengumumkan bahawa pada majlis konvokesyen universiti akan datang, pelajar SQS yang mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan sahsiah akan dipilih sebagai penerima Anugerah Pingat AXIATA. Justeru beliau menyeru kepada semua pelajar untuk mengambil peluang bagi meningkatkan pencapaian akademik selain turut aktif dalam aktiviti ko-kurikulum.

Dalam majlis yang sama wakil pelajar yang juga Presiden Persatuan Sains Kuantitatif (QUSAC) Saudara Mustaza Mohamad berkata, semua pelajar SQS hendaklah menghargai peranan dan jasa yang diberi oleh para pensyarah SQS. Selain itu menurutnya, kejayaan yang dicapai bukanlah semata-mata kejayaan individu tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan UUM umumnya. Ujarnya lagi, ilmu yang diperolehi perlu juga digunakan untuk membantu rakan-rakan mahasiswa yang lain. Majlis diakhiri dengan penganugerahan seramai 140 orang penerima anugerah yang hadir.

TAMAT

School of Quantitative Sciences (SQS)
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia
Tel: +6049286301
Fax: +6049286309
E-mail: sqs@uum.edu.my
Website: <http://www.sqs.uum.edu.my>
Facebook: <https://www.facebook.com/SQS.UUM>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.